

## Siapa melamar, siapa dilamar?

SAMA ada PAS menyertai semula Barisan Nasional atau sebaliknya kini terpulanglah kepada PAS sendiri. Seperti dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, pintu parti gabungan itu adalah sentiasa terbuka kepada PAS atau mana-mana parti lain asalkan mereka menerima prinsip dan cara perjuangan Barisan. Tetapi amat jelas dari kenyataan beliau itu bahawa Barisan Nasional mahupun UMNO tidak akan berusaha melamar PAS menyertainya seperti yang diharapkan oleh Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Mohamad Asri.

Isu kemasukan semula PAS ke dalam Barisan Nasional setelah terpecat empat tahun lalu mulai diperkatakan tidak lama selepas Kerajaan baru pimpinan Dr. Mahathir berkuasa. Pihak mana yang mula-mula menimbulkannya tidaklah jelas. Tetapi perubahan kepimpinan Kerajaan dan Barisan Nasional itu ternyata menjadi asas kepada kemungkinan ini, Krisis yang membawa kepada pemecatan PAS dari Barisan Nasional bulan Disember 1977 itu sebenarnya lebih merupakan perselisihan tokoh daripada pertentangan ideologi.

Apabila PAS menyertai Kerajaan Campuran Perikatan bulan Januari 1973, ia memang dilamar oleh UMNO memandangkan "gelora politik tanahair yang memerlukan penyatuan seluruh tenaga untuk mencapai cita-cita kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan pembangunan peribadi rakyat serta identiti masyarakat" seperti termaktub dalam kenyataan bersama Tun Razak dan Datuk Asri ketika itu. Tetapi perselisihan mulai timbul selepas pilihanraya umum 1974 bila Tun Razak melantik Datuk Mohamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan, tanpa restu Datuk Asri, untuk melicin dan membersihkan pentadbiran negeri itu.

Pemecatan PAS dari Barisan Nasional Disember 1977 adalah akibat tindak-tanduknya yang berterusan memecahkan disiplin parti yang berpusat pada usahanya menyingkirkan Datuk Mohamad Nasir, bukannya kerana perkara-perkara dasar. Kini segalanya telah berlalu. Kekalahannya dalam pilihanraya umum lepas, malah dalam pilihanraya negeri Kelantan, telah memerosotkan kepopularannya. Ternyata untuk bangun sendiri seperti dulu PAS sudah tidak begitu mampu lagi sekarang. Memandangkan pilihanraya yang hampir tiba, adalah logik baginya untuk menyertai Barisan Nasional semula untuk meneruskan kewujudannya yang bermakna.

Memanglah kemasukan semula PAS ke dalam Barisan Nasional boleh menambah kestabilan politik negara dan dengan itu memesatkan lagi pembangunan. Tetapi adalah juga jelas bahawa Barisan Nasional tidak perlu menjemputnya lagi. Keadaan politik hari ini tidak sama dengan keadaannya awal tahun 70-an dulu. UMNO pula sudah semakin popular di kalangan cendekiawan dan budayawan Melayu yang dulunya bersimpati kepada PAS. Jadi, sama ada PAS menyertai semula Barisan Nasional atau tidak sudah tidak menjadi soal yang besar. Kerana itulah Datuk Seri Dr. Mahathir memulangkan perkara itu kepada PAS sendiri untuk memikirkannya dan mengambil tindakan sewajarnya.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia